



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PEMANDU TINGKAT KHAS (D.1-2-3 EB.4-5-6) JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMANDU TINGKAT KHAS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.1-2-3 EB.4-5-6 (\$530 - \$1,785 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.


ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai kelas lesen memandu yang sah tertakluk kepada keperluan tugas dan kehendak Kementerian / Jabatan berkenaan.
3. Mempunyai badan yang sihat serta lulus pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf.
4. Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Sungai di Negara ini serta pandai berenang (bagi pemandu kenderaan laut).
5. Tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
6. Berpengalaman memandu beberapa jenis kenderaan dan berkebolehan membaki kerosakan kecil adalah kelebihan.
7. Keutamaan akan diberikan kepada calon lelaki.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM:

1. Memandu kenderaan yang digunakan bagi membawa penumpang-penumpang dan pegawai / kakitangan Kementerian / Jabatan bagi urusan-urusan rasmi Kementerian / Jabatan (jika berkenaan);



2. Menguruskan kerja-kerja pemeliharaan / pembaikan kenderaan serta penyambungan cukai jalan jika diperlukan;
3. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan kerosakan-kerosakan kenderaan yang digunakan dan kerja-kerja berkaitan;
4. Membuat laporan sekiranya ada kerosakan-kerosakan yang perlu gantian;
5. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan kenderaan yang digunakan dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan bersih serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan;
6. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penumpang (jika berkenaan);
7. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana daerah jika diperlukan; dan
8. Menerima arahan dari semua pegawai atasan dari semasa ke semasa.

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA:
DI BAHAGIAN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN DAERAH:

1. Bertugas sebagai pemandu kenderaan darat bagi urusan-urursan rasmi kerajaan;
2. Bertugas mengikut pengaturan dan penjadualan kerja;
3. Menerima arahan-arahan daripada Ketua Unit / Ketua Seksyen berkaitan dengan kerja-kerja yang memerlukan kenderaan / pengangkutan;
4. Sentiasa memeriksa keadaan kenderaan sebelum dan selepas digunakan;
5. Sentiasa memastikan kebersihan kenderaan sebelum dan selepas digunakan;
6. Bersedia pada bila-bila masa untuk menggantikan tugas-tugas pemandu lain apabila dikehendaki sama ada di dalam maupun di luar waktu bekerja;
7. Bertugas semasa sempena Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat bagi Daerah Brunei dan Muara;




8. Bertugas membawa buruh-buruh bergerak di bawah kawalan unit buruh bergerak dalam setiap acara-acara yang diungkayahkan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara; dan
9. Menerima arahan-arahan pihak atasan dari semasa ke semasa sama ada di dalam maupun di luar waktu bekerja.

DI BAHAGIAN INSTITUSI MUKIM DAN KAMPONG:

1. Bertugas sebagai pemandu kenderaan darat bagi urusan-urursan rasmi Jabatan;
2. Bertugas mengikut pengaturan dan penjadualan kerja;
3. Menerima arahan-arahan bertugas daripada Ketua Unit / Ketua Seksyen berkaitan dengan kerja-kerja yang memerlukan kenderaan / pengangkutan;
4. Sentiasa memeriksa keadaan kenderaan sebelum dan selepas digunakan;
5. Sentiasa memastikan kebersihan kenderaan sebelum dan selepas digunakan;
6. Bersedia pada bila-bila masa untuk menggantikan tugas-tugas pemandu lain apabila dikehendaki sama ada di dalam maupun di luar waktu bekerja;
7. Bertugas semasa sempena Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat bagi Daerah Brunei dan Muara;
8. Bertugas membawa Pegawai dan Kakitangan semasa pengundian dan pemilihan Penghulu dan Ketua Kampong; dan
9. Bersedia untuk menerima arahan-arahan bertugas di luar waktu bekerja pada bila-bila masa dikehendaki.

DI BAHAGIAN PERLESANAN DAN PENGUATKUASAAN:

1. Bertugas sebagai pemandu kenderaan darat bagi urusan-urusan rasmi Jabatan;
2. Bertugas mengikut pengaturan dan penjadualan kerja;
3. Menerima arahan-arahan bertugas daripada Ketua Unit / Ketua Seksyen berkaitan dengan kerja-kerja yang memerlukan kenderaan / pengangkutan;



4. Sentiasa memeriksa keadaan kenderaan sebelum dan selepas digunakan;
5. Memandu dan membawa Pegawai dan Kakitangan di Bahagian ini khusus bagi kerja-kerja pemeriksaan / pemantauan / penilaian ke atas premis-premis di bawah Perintah Establishmen Kecantikan dan Kesihatan 2016 dan operasi Jabatan serta operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi-agensi penguatkuasaan;
6. Sentiasa bertugas di luar waktu pejabat termasuk waktu-waktu cuti awam jika diperlukan;
7. Bertugas semasa sempena Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat bagi Daerah Brunei dan Muara; dan
8. Bersedia untuk menerima arahan-arahan bertugas di luar waktu bekerja pada bila-bila masa dikehendaki.